

## **PENGETAHUAN, KESEDIAAN DAN SIKAP SISWA GURU SEMESTER 8 AMBILAN JUN 2017 DI IPGKIK TERHADAP PENDIDIKAN INKLUSIF**

Knowledge, Readiness and Attitude of Teacher Trainees from Semester 8 June 2017 Intake at IPGKIK Towards Inclusive Education

*Amirah Adilah Abdul Karim & Lee Phaik Gaik PhD*  
*e-mel: amirahadilah16@gmail.com*

### **Abstrak**

*Pendedahan awal terhadap Program Pendidikan Inklusif di institut latihan perguruan adalah penting untuk meningkatkan pembangunan kompetensi siswa guru selaras dengan Transformasi Pendidikan Negara. Kajian ini bertujuan untuk meninjau sejauh mana pengetahuan, kesediaan dan sikap siswa guru terhadap Pendidikan Inklusif. Kajian ini melibatkan 18 orang siswa guru semester 8 daripada PISMP ambilan Jun 2017 di IPG Kampus Ilmu Khas. Kajian ini menggunakan kaedah Consensual Qualitative Investigation dan data dikumpul melalui temu bual separa berstruktur. Tema utama yang terhasil melalui analisis data ialah aspek pengetahuan, kesediaan dan sikap siswa guru terhadap Pendidikan Inklusif. Data temu bual menunjukkan pengetahuan siswa guru terhadap Pendidikan Inklusif tidak mencukupi untuk mereka melaksanakannya. Namun begitu, siswa guru bersetuju bahawa input kursus Pendidikan Inklusif telah memberi pendedahan awal dan pengetahuan asas mengenai Pendidikan Inklusif. Dapatkan kajian juga menunjukkan ketidaksesuaian siswa guru untuk mengajar di kelas inklusif dan mengendalikan murid berkeperluan khas. Tetapi, siswa guru mempunyai sikap yang positif dan responsif terhadap Pendidikan Inklusif dan mempunyai keazaman untuk meningkatkan pengetahuan. Justeru, dalam melestarikan cabaran penerapan Pendidikan Inklusif kepada siswa guru, IPG perlulah dinamik dengan mengambil kira kehendak dan keperluan semasa transformasi pendidikan.*

Kata kunci: pengetahuan, kesediaan, sikap, siswa guru, pendidikan inklusif

### **Abstract**

*Early exposure to the Inclusive Education Programme in teacher training institutes is important to enhance the development of teacher trainees competencies which is in line with the Transformation of Education in Malaysia. The aim of the study is to examine the extent of knowledge, readiness and attitude of teacher trainees towards Inclusive Education. This study involved 18 teacher trainees from semester 8 June 2017 intake at Teacher Education Institute Specialist Campus. The study used Consensual Qualitative Investigation method and data was collected through semi-structured interviews. The main themes that resulted from the data analysis consisted aspects of knowledge, readiness and attitude of teacher trainees towards the Inclusive Education. Interview data showed that trainees' knowledge of Inclusive Education was insufficient for them to implement it. Nevertheless, these teacher trainees agreed the input of Inclusive Education course has provided early exposure and basic knowledge of Inclusive Education. The findings of the study also found that these teacher trainees are not ready to teach in inclusive classrooms and handle students with special needs. However, these teacher trainees have a positive and responsive attitude towards Inclusive Education and have a determination to increase their knowledge. Therefore, in sustaining the challenge of applying Inclusive Education to teacher trainees, teacher education institute must be dynamic by that the needs and requirements during the transformation of education.*

Keywords: knowledge, readiness, attitude, teacher trainees, inclusive education

## PENGENALAN

Dasar Pendidikan Inklusif di Malaysia oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah menggunakan Akta Orang Kurang Upaya (OKU) 2008 iaitu memberikan akses peluang pendidikan yang sama kepada semua kanak-kanak kurang upaya yang telah termaktub dalam undang-undang Malaysia, Akta 685 di bawah seksyen 28 (1). Kanak-kanak berkeperluan khas tidak boleh dikecualikan daripada sistem pendidikan atas sebab ketidakupayaan mereka. Dasar *Zero Reject Policy* diperkenalkan dan dilaksanakan secara berperingkat bermula tahun 2019. Dasar tersebut merupakan dasar sedia ada yang dimantapkan lagi dari segi pelaksanaannya bagi memastikan murid berkeperluan khas (MBK) menerima pendidikan sama ada di sekolah arus perdana melalui Program Pendidikan Khas Integrasi (PPKI) dan Program Inklusif atau ke Sekolah Pendidikan Khas (Siti Salwa Salleh, 2020). Oleh itu, institut pendidikan di setiap peringkat memainkan peranan dalam menyediakan persekitaran yang kondusif dan selamat serta sesuai untuk MBK supaya potensi mereka dapat dikembangkan mengikut tahap kefungsiannya. Maka, menjadi satu kewajipan untuk guru atau tenaga pengajar memahami Program Pendidikan Inklusif (PPI) ini dengan lebih mendalam supaya PPI dapat berjalan dengan lancar sesuai dengan hasrat KPM.

### **Pendidikan Inklusif dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025**

Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 ialah satu dokumen yang memperincikan secara menyeluruh dalam transformasi pendidikan negara bagi mencapai lima aspirasi iaitu akses, kualiti, ekuiti, perpaduan, dan kecekapan pendidikan dalam tempoh 13 tahun (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2013). Bab 4 dalam PPPM telah mencatatkan perancangan KPM untuk membolehkan MBK akses kepada Pendidikan Inklusif di bawah Pelan Tindakan: Menganjak kepada pendidikan inklusif secara tiga siri gelombang iaitu Gelombang 1 (2013-2015): Mengukuhkan asas sedia ada; Gelombang 2 (2016-2020): Meningkatkan pelaksanaan inisiatif; dan Gelombang 3 (2021-2025): Menilai dan menyatakan inisiatif. Sasaran KPM dalam inisiatif utama ke-11 ialah meningkatkan enrolmen MBK dalam PPI daripada 7.5% pada tahun 2012 (Gelombang 1) kepada 75% pada tahun 2025 (Gelombang 3) (Inisiatif utama ke-11, PPPM).

Menurut Norliah Mohd Amin & Mohd Hanafi Mohd Yasin (2016) dalam kajiannya menyatakan peringkat awal Gelombang 1 PPPM dalam pelaksanaan inklusif tidak menunjukkan perubahan yang begitu ketara. Dalam pada itu, kajian oleh Haslinah Abdullah & Hairiah Munip (2020) menyatakan bahawa hasil penyelidikan yang telah dibuat oleh KPM dan hasil penilaian Gelombang 1 telah menganjak pelbagai tindakan yang diambil dalam Gelombang 2, terutamanya dari aspek peranan dan kompetensi guru arus perdana dalam pelaksanaan inklusif yang berkesan. PPPM telah berjaya merangka dengan terperinci dan jelas pelan tindakan untuk menganjak pendidikan inklusif dalam tiga gelombang berlaku selama 13 tahun. Walaupun sasaran enrolmen tidak tercapai dalam Gelombang 1 tetapi peningkatan enrolmen yang tinggi pada akhir tahun Gelombang 2 iaitu 58.87% menunjukkan satu harapan kejayaan untuk mencapai sasaran enrolmen MBK sebanyak 75% pada Gelombang 3 (2021-2025): Menilai dan menyatakan inisiatif yang akan bermula tahun depan. Dalam Gelombang 3, KPM akan lebih komited menilai kejayaan semua inisiatif yang telah dilaksanakan dalam dua gelombang sebelum ini dan membangunkan pelan tindakan masa depan.

### **Pendidikan Inklusif dalam Pelan Strategik Transformasi Institut Pendidikan Guru (IPG) 2016-2025**

Pelan Strategik Transformasi IPG (2016-2025) ini dibangunkan secara komprehensif mengandungi inisiatif-inisiatif yang mendokong usaha transformasi sistem pendidikan guru secara menyeluruh (Institut Pendidikan Guru Malaysia, 2017). Penyusunan inisiatif dibuat ke arah mewujudkan sistem pendidikan guru yang memfokus kepada kualiti, kecekapan serta kejayaan yang dapat dilihat dalam tempoh terdekat. Sebagai peneraju kecemerlangan pendidikan guru, misi IPG adalah untuk melahirkan

guru yang kompeten dan berjiwa pendidik. Hasrat ini dapat dicapai melalui program pembangunan guru yang dinamik seterusnya dapat melonjakkan kecemerlangan pendidikan di sekolah bertaraf dunia. Sejajar dengan aspirasi ekuiti dalam PPPM 2013-2025 iaitu akses MBK kepada pendidikan inklusif juga disusun semula dalam pengisian transformasi IPG kampus seluruh negara. (Pau & Mohd Hanafi Mohd Yasin, 2021) mengatakan bahawa pendedahan awal terhadap PPI di institut latihan perguruan dalam kalangan siswa guru amat penting sebelum menempuh alam pekerjaan agar fenomena kejutan budaya dalam kalangan guru novis terhadap PPI dapat ditangkis. Lebih-lebih lagi, siswa guru bukan opsyen pendidikan khas seperti siswa guru opsyen bahasa Melayu, bahasa Inggeris, pendidikan jasmani, matematik dan sains perlu didedahkan untuk menerima kehadiran MBK di dalam kelas inklusif, melakukan persiapan terhadap modifikasi bahan bantu belajar MBK, kaedah pengajaran dan suaian.

Selaras dengan hasrat KPM, IPGM menyedari pendidikan inklusif adalah penting untuk siswa guru dalam IPG. Justeru, IPGM mengadakan *task force* untuk menyediakan Ringkasan Maklumat Kursus (RMK) bagi kursus Pendidikan Inklusif iaitu XXXX3132 dalam Buku Panduan Akademik Program Ijazah Sarjana Muda Perguruan (Pusat Pembangunan Akademik IPG, 2017). Kursus tersebut merupakan komponen kursus Bidang Teras yang ditawarkan kepada semua siswa guru mod sepenuh masa yang mengikuti Program Ijazah Sarjana Muda Perguruan (PISMP) di mana-mana kampus IPG yang berada pada semester enam atau semester dua tahun tiga. Kursus tersebut ditawarkan supaya siswa guru memperoleh kefahaman mengenai konsep dan pelaksanaan pendidikan inklusif di Malaysia. Kursus tersebut merangkumi sejarah, matlamat, dasar, pendekatan, pelaksanaan pendidikan inklusif serta peranan pihak berkepentingan dalam pelaksanaan pendidikan inklusif. Kursus ini juga menekankan konsep dan pelaksanaan pedagogi inklusif serta membincangkan faktor kritikal kejayaan dan cabaran dalam pelaksanaan pendidikan inklusif.

Selain daripada itu, amalan inklusif juga perlu lebih diterapkan dalam latihan perguruan siswa guru di setiap kampus IPG seluruh Malaysia. Institut Pendidikan Guru Kampus Ilmu Khas (IPGKIK) merupakan institusi pendidikan yang bitara dalam pendidikan khas memainkan peranan dan tanggungjawab sosial untuk memupuk kesedaran dan sikap prihatin masyarakat terhadap keperluan komprehensif individu berkeperluan khas. Siaran Portal Rasmi IPGKIK memaparkan pelbagai program kesedaran dan perkongsian ilmiah berkaitan Pendidikan Inklusif telah dijalankan di IPGKIK seperti penjenamaan Pedagogi Inklusif dengan penghasilan Modul Pedagogi Inklusif serta kursus latihan di sekolah bermula tahun 2016, program Memasyarakatkan Orang Kurang Upaya (MOKU) pada 2017 dan 2019, *International Conference on Pedagogy and Inclusive Education* pada 2019, Bengkel Menyantuni Warga Inklusif IPGKIK 2020, Bulan Pendidikan Inklusif Ilmu Khas 2021 dan pelbagai kursus induksi yang berkaitan. Usaha kolaborasi pensyarah antara pelbagai jabatan di IPGKIK bertujuan untuk menyemai dan menanam amalan inklusif serta penghayatan pengetahuan berkaitan pendidikan inklusif kepada warga kampus khususnya siswa guru. Oleh hal demikian, kajian ini bertujuan untuk meninjau pengetahuan, kesediaan dan sikap siswa guru semester lapan yang akan menamatkan pengajian latihan perguruan di IPGKIK terhadap pendidikan inklusif bagi mempersiapkan dirinya menghadapi realiti alam perguruan apabila ditempatkan di sekolah kelak.

## TINJAUAN LITERATUR

### **Kompetensi Siswa Guru**

Standard Guru Malaysia telah menggariskan kompetensi profesional yang patut dicapai oleh guru dan keperluan yang patut disediakan oleh institusi latihan perguruan bagi membantu guru mencapai tahap kompetensi yang ditetapkan (Low, Amiruddin Zainuddin & Rafidah Ruhani, 2014). Standard ini merangkumi tiga aspek iaitu Amalan Nilai Profesionalisme Keguruan, Pengetahuan dan Kefahaman serta Kemahiran Pengajaran dan Pembelajaran. Maka dengan itu, institut latihan perguruan seperti IPGM bertanggungjawab menyediakan latihan perguruan kepada siswa guru dari pelbagai aspek pengetahuan, pedagogi, sahsiah dan amalan insaniah. Sehubungan itu, setiap IPG kampus memastikan siswa guru didedahkan dengan pelbagai pendekatan, strategi, kaedah untuk mengajar murid di sekolah. Selain dari aspek pedagogi, pengetahuan opsyen masing-masing, pentaksiran juga dibekalkan. Menurut Institut Pendidikan Guru Malaysia (2017) dalam Pelan Strategik Transformasi IPG 2016-2025

menyatakan pembentukan insan guru ditentukan oleh dua fokus utama iaitu ilmu berdasarkan teori dan ilmu yang dipraktikkan. Setiap IPG kampus menekankan proses pembinaan ilmu profesional keguruan secara sistematis dan beransur maju (*developmental*) dengan mengintegrasikan pengetahuan berasaskan penyelidikan (*research-based knowledge*) dan pengetahuan berasaskan pengalaman (*experiential knowledge*). Pelaksanaan transformasi IPG ini bertujuan menghasilkan insan guru selaras dengan hasrat Falsafah Pendidikan Guru (FPG) yang menekankan kepada penguasaan ilmu, kemahiran dan amalan nilai-nilai keguruan, bagi perkembangan profesional keguruan dan sahsiah guru yang unggul termasuklah mencapai indikator Standard Guru Malaysia (SGM). SGM bukan hanya bertumpu kepada profesionalisme malah siasah, pencapaian dan meningkatkan minat warga pendidik terhadap kerjaya perguruan. Guru-guru di Malaysia sudah ada standard, namun piawaian itu perlu dimantapkan lagi supaya sesuai dengan keadaan semasa selain menepati standard global (Nur Hafizoh Idris & Rohana Hamzah, 2012). Maka, SGM yang digunakan di IPG dapat melahirkan warga pendidik berkualiti untuk pengajaran dan pembelajaran di bilik darjah, selain meningkatkan keberkesanan pengurusan dan pentadbiran sekolah serta mewujudkan kemahiran inter dan intra personal.

### **Pendidikan Inklusif di Institut Pendidikan Guru Kampus**

Peranan institusi latihan perguruan di seluruh kampus di Malaysia pada peringkat latihan secara praktikal dalam PPI perlu diberi tumpuan sebagai persediaan secara menyeluruh kepada siswa guru terhadap Pendidikan Inklusif. Siswa guru sering terdedah kepada situasi berbeza daripada sepanjang latihan perguruan dengan pembelajaran atau perolehan pengalaman baru akan berlaku semasa pengalaman berasaskan sekolah (PBS), praktikum dan *internship* kerana teori yang diperoleh kurang praktikal untuk diimplementasi. Oleh itu, perancangan di sesbuah institut perlulah dinamik yang mengambil kira kehendak dan keperluan semasa. Tambahan lagi, menurut Syed Lamsah Syed Chear (2017), teori-teori yang disampaikan dalam kursus-kursus pendidikan dan perancangan latihan mengajar tidak boleh statik kerana keadaan di sekolah semakin dinamik.

Dalam sebuah kajian yang dilakukan oleh Nur Nabilah Ahmad Latpi, Rabiatul Adawiyah Azhan & Sukri Berahim (2019) tentang pengetahuan pendidikan inklusif dalam kalangan siswa guru semester enam Institut Pendidikan Guru Kampus Dato Razali Ismail (IPGKDRI) berada pada tahap sederhana tinggi. Dapatkan kajian mendapat aspek yang paling dikuasai oleh peserta kajian adalah tentang teknik pengajaran pendidikan inklusif dan bantu belajar. Pada masa yang sama, dapatan kajian juga menunjukkan kelemahan dilihat daripada aspek pengetahuan umum siswa guru terhadap pendidikan inklusif. Pengkaji mengandaikan bahawa hal tersebut disebabkan siswa guru tidak mendapat pendedahan yang jelas tentang pendidikan inklusif dengan baik seperti matlamat, asas serta pedagogi yang digunakan terhadap MBK. Oleh itu, siswa guru perlulah sentiasa cakna dan mengambil berat tentang pendidikan inklusif ini supaya tidak menjadi satu masalah apabila siswa guru berhadapan dengan situasi ini kelak apabila turun ke lapangan.

Selain itu, kajian mengenai kesediaan siswa guru terhadap pendidikan inklusif di Institut Pendidikan Guru Kampus Pendidikan Teknik (IPGKPT) dijalankan oleh Shamsiah Md Nasir (2017). Kajian tersebut secara keseluruhannya menunjukkan tahap kesediaan guru pelatih yang sederhana positif terhadap pendidikan inklusif murid berkeperluan khas. Tahap keyakinan untuk mengajar murid berkeperluan khas adalah rendah hingga sederhana. Tambahan pula, pengalaman peserta kajian dalam mengajar murid berkeperluan khas adalah terhad. Lebih daripada separuh peserta kajian (71%) tidak pernah mengajar MBK semasa mereka menjalani praktikum dan selebihnya peserta kajian (29%) mempunyai pengalaman dalam bilik darjah inklusif. Skor keseluruhan skala menunjukkan peserta kajian yang dikaji dalam kajian tersebut mempunyai tahap kesediaan terhadap pendidikan inklusif yang sederhana. Pengkaji berpendapat bahawa dapatan tersebut bukan sesuatu yang mengejutkan kerana ramai siswa guru dalam kajian sebagai peserta kajian tiada pengalaman dalam bilik darjah inklusif.

Justeru, kajian-kajian lepas mengenai siswa guru terhadap pendidikan inklusif wajar diambil iktibar bagi menyediakan perancangan dan perangkaan baru oleh pihak KPM, IPGM dan IPG kampus. Latihan perguruan di IPG mestilah memastikan keluaran siswazah yang berkualiti serta bersifat holistik dan kompeten dalam pelbagai bidang termasuklah pengetahuan terhadap pendidikan inklusif. Hal ini

demikian supaya siswa guru mampu melaksanakan PPI dengan berkesan apabila ditempatkan di sekolah sebagai guru novis. Ironinya, PPI di sekolah-sekolah di Malaysia yang mempunyai Program Integrasi adalah masih nanar. Muhammad Khairul Anuar Hussin & Abdul Rahim Hamdan (2016) mengatakan bahawa guru aliran perdana kurang pengetahuan tentang PPI dalam kemahiran pengajaran. Hal ini boleh menimbulkan masalah iaitu guru berasa terkejut dengan tingkah laku MBK, guru berasa kecewa terhadap murid, MBK didiskriminasi dalam kelas aliran perdana dan MBK tidak dapat menerima ilmu dengan berkesan. Tambahan lagi, ramai guru yang mengendalikan PPI mengakui bahawa mereka tidak mendapat latihan khusus yang berkaitan teknik dan kaedah PdPc yang berkaitan dengan MBK (Norliah Mohd Amin & Mohd Hanafi Mohd Yasin 2016). Sehubungan dengan senario itu, penting bagi sesebuah institut latihan perguruan cakna untuk memastikan kecukupan pengetahuan siwa guru sebelum ditempatkan di sekolah kelak. Latihan perguruan yang mampu dapat meningkatkan kualiti guru dalam strategi pengajaran, pengawalan bilik darjah dan penilaian murid (Norfishah Mat Rabi & Mohd Yusof Zulkefli, 2018).

## **PERNYATAAN MASALAH**

Pendedahan kepada pendidikan inklusif ini perlu dilihat sebagai satu perkara yang amat penting kepada bakal guru sebelum menempuh alam pekerjaan. Berdasarkan pemerhatian yang dilakukan, didapati bahawa siswa guru semester lapan IPGKIK tidak ramai yang berpeluang mencipta pengalaman menyaksikan PPI di sekolah sebenar terutamanya siswa guru bukan opsyen pendidikan khas seperti opsyen bahasa Inggeris dan bahasa Melayu. Siswa guru hanya akan memperoleh pengetahuan semasa mengikuti kursus Pendidikan Inklusif di semester enam dan program-program akademik di IPGKIK berkaitan pendidikan inklusif yang hanya melibatkan penglibatan siswa guru tertentu. Selain itu, disebabkan PPI ini hanya berlaku di sekolah yang mempunyai program integrasi telah menyebabkan ramai siswa guru bukan opsyen pendidikan khas menyangka untuk ditempatkan di sekolah aliran perdana sahaja serta merasakan bahawa mereka tidak akan berhadapan dengan situasi ini di sekolah kelak.

Kajian mengenai pengetahuan, kesediaan dan sikap siswa guru terhadap pendidikan inklusif dari aspek pengetahuan dan aspek kesediaan siswa guru di IPG tidak banyak dijalankan. Kajian-kajian yang ada di Malaysia berkaitan pendidikan inklusif lebih menjurus kepada guru dalam perkhidmatan (Muhammad Khairul Anuar Hussin & Abdul Rahim Hamdan, 2016; Norliah Mohd Amin & Mohd Hanafi Mohd Yasin, 2016; Siti Fatimah Salleh & Mustafa Che Omar, 2018; Pau & Mohd Hanafi Mohd Yasin, 2021). Banyak juga kajian yang telah dilakukan menunjukkan bahawa masih ramai guru novis aliran perdana yang tidak memahami tentang pendidikan inklusif (Pau & Mohd Hanafi Mohd Yasin, 2021). Hal ini menunjukkan bahawa kesediaan guru-guru tentang pendidikan inklusif ini masih kurang memuaskan dan tidak ramai guru di sekolah yang tiada program integrasi mengetahui akan wujudnya PPI ini secara khusus. Senario ini juga akan menggugat usaha murni Dasar *Zero Reject Policy* yang dihasratni KPM. Dalam pada itu juga, terdapat jurang perspektif mengenai pendidikan inklusif dalam kalangan perkhidmatan pendidikan di Malaysia. Oleh itu, kajian ini berusaha untuk meninjau pengetahuan, kesediaan dan sikap terhadap pendidikan inklusif oleh siswa guru di IPGKIK yang merupakan dalam praperkhidmatan pendidikan.

## **TUJUAN KAJIAN**

Kajian ini dijalankan bagi mencapai objektif berikut:

- i. Meninjau sejauh mana pengetahuan siswa guru semester lapan ambilan Jun 2017 terhadap pendidikan inklusif.
- ii. Meninjau sejauh mana kesediaan siswa guru semester lapan ambilan Jun 2017 terhadap pendidikan inklusif.
- iii. Meninjau sejauh mana sikap siswa guru semester lapan ambilan Jun 2017 terhadap pendidikan inklusif.

Justeru, kajian ini menjawab persoalan berikut:

- i. Sejauh manakah pengetahuan siswa guru semester lapan ambilan Jun 2017 terhadap pendidikan inklusif?
- ii. Sejauh manakah kesediaan siswa guru semester lapan ambilan Jun 2017 terhadap pendidikan inklusif?
- iii. Sejauh manakah sikap siswa guru semester lapan ambilan Jun 2017 terhadap pendidikan inklusif?

## **KEPENTINGAN KAJIAN**

### **Institut Pendidikan Guru**

Kajian ini memberi kepentingan dan panduan yang berguna kepada segelintir pihak yang terlibat. Pertama sekali, pihak IPGM dan IPG kampus dapat menilai hasil kajian dan maklum balas yang diterima sebagai rujukan untuk menambah baik sesi pembelajaran kuliah kursus Pendidikan Inklusif dan program-program akademik berkaitan pendidikan inklusif. IPGM juga perlulah menggunakan dapatan daripada kajian ini untuk menyemak semula semua Maklumat Kursus bagi setiap bidang teras dan elektif dengan mengintegrasikan elemen pendidikan inklusif sebagai elemen merentas kurikulum dalam pembelajaran dan pemudahcaraan siswa guru di IPG. Oleh demikian, setiap IPG kampus dapat merancang medium penyampaian kursus dan bengkel pendidikan inklusif yang bersesuaian dengan amalan inklusif secara komprehensif sebagai nilai tambah kepada siswa guru agar mereka lebih berketerampilan dan kompeten menjadi guru novis yang berkemampuan melaksanakan PPI di sekolah. Hasil kajian ini juga membantu para pensyarah mengubah corak pengajaran dan pembelajaran dalam bilik kuliah dengan mengaplikasikan secara *hands-on* dan *on going* tentang amalan inklusif dan menyediakan siswa guru yang efisien apabila ditempatkan di sekolah-sekolah sebagai guru novis.

### **Siswa Guru Institut Pendidikan Guru**

Dengan adanya kajian ini juga dapat menyedarkan tenaga pengajar iaitu siswa guru akan kepentingan pendidikan inklusif serta menyediakan peluang pembelajaran yang sesuai dan saksama kepada MBK. Dalam masa yang sama, siswa guru dapat mempersiapkan dirinya menyelami pendidikan khas dan MBK sejurus menerap amalan inklusif dengan membentuk sikap menormalisasi dan menerima kehadiran MBK dalam pelbagai suasana. Kama Shaffeei (2019) berpendapat bahawa latihan mengajar guru pelatih penting bagi menyediakan mereka benar-benar bersedia apabila mengajar MBK ataupun murid di aliran perdana. Matlamat latihan mengajar ialah untuk menyediakan peluang kepada guru pelatih mengalami dan mengaplikasikan ilmu pendidikan dalam konteks sebenar di institusi pendidikan. Dalam bidang pendidikan, guru merupakan golongan utama yang menyumbang kepada keterlibatan akademik dan keselesaan murid di sekolah. Sehubungan itu, kajian ini yang melihat daripada perspektif siswa guru perlu diteroka bagi melihat keperluan-keperluan dalam pendidikan inklusif untuk MBK bagi keterlibatan mereka dalam akademik serta menjamin keselesaan pembelajarannya. Warga pendidik juga akan menyadari perubahan pada usaha mengurangkan jurang antara murid tipikal dan MBK.

## **METODOLOGI KAJIAN**

Menurut Creswell (2017), pendekatan kualitatif amat sesuai apabila sesuatu kajian melibatkan temu bual, pemerhatian ke atas seorang individu atau unit, satu kelas, sekolah, peristiwa dan budaya. Kaedah *Consensual Qualitative Investigation* digunakan dalam kajian ini kerana bersesuaian dengan ciri-ciri penerokaan data yang diberikan oleh peserta kajian. Kaedah ini menekankan penggunaan beberapa penyelidik untuk mencapai persetujuan secara berkumpulan serta kaedah yang sistematik untuk membentuk kesimpulan yang dapat mewakili setiap penyertaan yang terlibat dalam setiap kes. Proses ini melibatkan analisis data yang mendalam untuk memupuk pelbagai perspektif yang memberi makna terhadap data yang dikumpul.

Seramai 18 orang siswa guru semester lapan daripada PISMP ambilan Jun 2017 di IPGKIK sebagai peserta kajian yang sedang menjalankan *internship*. Peserta kajian terdiri daripada enam orang siswa guru semester lapan daripada opsyen bahasa Melayu, enam orang siswa guru semester lapan daripada opsyen bahasa Inggeris dan enam orang siswa guru semester lapan daripada opsyen pendidikan khas. Pengkaji menemu bual peserta kajian secara dalam talian melalui pelantar aplikasi *WhatsApp* dan *Google form*. Kaedah tersebut dilakukan kerana siswa guru tidak dibenarkan berada di kampus IPGKIK dalam situasi pandemik wabak COVID-19.

### **Instrumen Pengumpulan Data**

Instrumen kajian ini menggunakan protokol temu bual separa berstruktur yang dibina berdasarkan objektif kajian ini. Satu set protokol telah disediakan dan diedarkan kepada peserta kajian untuk mendapatkan maklumat. Instrumen tersebut dibina untuk mendapatkan maklumat mengenai sejauh mana perolehan pengetahuan, kesediaan dan sikap terhadap pendidikan inklusif dalam kalangan siswa guru semester lapan di IPGKIK. Perspektif siswa guru terhadap pendidikan inklusif dibahagi kepada tiga aspek iaitu pengetahuan, kesediaan dan sikap siswa guru.

### **Analisis Data**

*Consensual Qualitative Investigation* mengandaikan bahawa perspektif yang pelbagai daripada pengkaji yang berbeza adalah lebih berkesan untuk memahami sesuatu keadaan atau fenomena berbanding dengan hanya satu perspektif daripada seorang pengkaji. Reka bentuk kajian seperti ini juga dapat meminimakan *bias* yang mungkin wujud jika seorang pengkaji digunakan. Elemen utama yang harus diaplikasi ialah hormat-menghormati antara pengkaji, keseragaman penglibatan pengkaji dan sampel kajian, kuasa membuat keputusan dan kesimpulan kajian. Perancangan yang teliti dan sistematis telah dilaksanakan bagi memperoleh kesahan kajian dari aspek kaedah kajian serta perwakilan keputusan kajian terhadap sampel kajian. Data telah dianalisa secara melalui tiga peringkat utama iaitu menghasilkan tema untuk mengkluster data dan membina idea utama untuk membuat kesimpulan terhadap idea-idea utama yang diekspresi oleh peserta kajian. Akhir sekali adalah membuat analisis rentas (*cross-analysis*) ke atas data untuk membentuk kategori yang konsisten antara peserta kajian.

## **DAPATAN DAN PERBINCANGAN**

Analisis kajian ini menghasilkan tiga tema utama. Penetapan tema berlandaskan perbincangan berdasarkan maklum balas daripada peserta kajian. Tema utama yang pertama ialah pengetahuan siswa guru terhadap pendidikan inklusif sepanjang latihan perguruan di IPGKIK. Tema kedua ialah kesediaan siswa guru terhadap Program Pendidikan Inklusif dan tema ketiga ialah sikap serta keterampilan siswa guru terhadap pendidikan inklusif.

### **Pengetahuan terhadap Pendidikan Inklusif**

Tema ini terhasil daripada jawapan-jawapan oleh peserta kajian semasa temu bual iaitu pengetahuan peserta kajian terhadap pendidikan inklusif dilihat dari segi sumber maklumat yang diperoleh oleh peserta kajian dan sejauh mana input tentang pendidikan inklusif yang diketahui oleh peserta kajian. Antara jawapan yang diperoleh daripada temu bual menunjukkan peserta kajian memperoleh maklumat terhad seperti berikut:

“saya hanya mengambil kursus pendidikan inklusif semasa semester 6”

Peserta kajian 1

“saya pernah mengikuti sekali sahaja Bengkel penyediaan bahan bantu belajar permainan suaian untuk MBK yang dijalankan oleh Jabatan Pendidikan Jasmani dan Kesihatan”

Peserta kajian 5

Terdapat juga jawapan yang menunjukkan bahawa peserta kajian berasa tidak puas untuk memperoleh input tentang pendidikan inklusif seperti berikut:

*“pensyarah yang mengajar adalah bukan latar belakang pendidikan khas kerana kursus XXXX3132 ini diajar oleh pensyarah dari jabatan opsyen masing-masing”*

Peserta kajian 13

*“tidak banyak teknik pengajaran yang didedahkan di dalam kelas semasa kursus pendidikan inklusif dan saya juga kadang-kadang keliru cara pelaksanaannya”*

Peserta kajian 18

Dari pada data yang diperoleh, siswa guru mengaku bahawa mereka mempunyai pengetahuan yang terhad tentang pendidikan inklusif dan pengetahuan semasa ini adalah tidak mencukupi untuk mereka mengendalikan Program Pendidikan Inklusif di sekolah.

### **Kesediaan terhadap Pendidikan Inklusif**

Tema ini terhasil daripada jawapan-jawapan yang dinyatakan oleh peserta kajian semasa temu bual yang meneliti mengenai persiapan diri sama ada bersedia atau belum bersedia untuk melaksanakan pendidikan inklusif.

Peserta kajian berpendapat bahawa input kursus Pendidikan Inklusif telah memberi pendedahan awal dan pengetahuan asas mengenai pendidikan inklusif. Peserta kajian juga berpendapat bahawa mereka boleh mengimbang kembali pengetahuan asas pendidikan inklusif yang diperoleh bagi melaksanakan PPI. Hal ini dinyatakan dalam jawapan peserta-peserta kajian semasa temu bual seperti berikut:

*“amalan inklusif yang saya saksikan sepanjang pengajian di IPGKIK dapat dipraktikkan apabila ditempatkan di sekolah yang ada Program Integrasi”*

Peserta kajian 8

*“penilaian semasa kursus Pendidikan Inklusif yang diambil membantu saya mengimbang kembali apa yang dapat diperbaiki. Dengan ini, hati saya akan menjadi tenang dan lega”*

Peserta kajian 10

*“saya sekurang-kurangnya mempunyai maklumat asas mengenai pendidikan inklusif dan pernah menjalani praktikum fasa satu di PPKI, jadi saya mungkin dapat atasi kerisauan...”*

Peserta kajian 16

Namun begitu, terdapat respon daripada temu bual membuktikan siswa guru bersetuju bahawa pengetahuan teori mengenai pendidikan inklusif sahaja tidak memadai tanpa pengalaman secara praktikal. Hal ini menyebabkan siswa guru tidak bersedia untuk mengendalikan PPI apabila mereka mengajar di sekolah. Siswa guru berpendapat penerimaan input berorientasi kontekstual bermakna penting untuk memberi peluang kepada mereka menghadapi realiti PPI. Antara jawapan temu bual oleh peserta kajian seperti berikut:

*“Saya belum pernah menjalani latihan mengajar di kelas inklusif tetapi pengetahuan sedia ada boleh saya gunakan jika saya mengajar nanti”*

Peserta kajian 2

*“Saya agak bimbang untuk mengawal MBK kerana tiada pengalaman namun jika diberi tanggungjawab tersebut, saya akan mencuba”*

Peserta kajian 7

*“Murid inklusif memerlukan seseorang untuk mengawasi mereka sepanjang pembelajaran jadi agak mustahil untuk saya kendalikan kerana ada 40 murid lain di dalam kelas”*

Peserta kajian 9

*“Saya hanya ingat pedagogi dalam opsyen saya saja kerana tiada pengalaman jumpa MBK”*  
Peserta kajian 15

*“Teori kursus Pendidikan Inklusif hanya dipelajari dua kredit iaitu dua jam sahaja dalam seminggu. Jadi, saya tidak yakin bahawa saya dapat aplikasi teori tersebut”*  
Peserta kajian 17

### **Sikap siswa guru terhadap Pendidikan Inklusif**

Tema ini terhasil daripada jawapan-jawapan yang dinyatakan oleh peserta kajian semasa temu bual yang dilihat dari segi reaksi sikap penerimaan atau penolakan peserta kajian terhadap Pendidikan Inklusif.

Dapatkan menunjukkan bahawa peserta kajian berusaha untuk mendalami pendidikan inklusif dan menyantuni golongan kurang upaya dengan melaksanakan amalan inklusif di IPG. Peserta kajian mempunyai sikap yang positif dan responsif terhadap pendidikan inklusif dan mempunyai keazaman untuk meningkatkan pengetahuan tentang pendidikan inklusif. Pernyataan ini dapat dilihat dengan jelas daripada peserta kajian seperti berikut:

*“Saya menyokong program-program yang diadakan oleh Jabatan Pendidikan Khas seperti mengikuti bengkel aras bahasa isyarat, teknik orientasi dan mobiliti individu buta, aras tulisan braille dan webinar pendidikan inklusif”.*

Peserta kajian 4

*“Saya bersunguh-sungguh mencari jalan penyelesaian, mengorbankan banyak masa untuk mengatasi masalah yang dihadapi dan sentiasa menerima pandangan dari luar yang berpotensi untuk menyelesaikan masalah yang dihadapi .....”*

Peserta kajian 6

*“..... menyelesaikan masalah saya dengan membuat penilaian keadaan saya dan membolehkan saya berfikir secara kritis dan analitikal atas kekurangan atau masalah saya supaya saya boleh mencari jalan mengatasinya”*

Peserta kajian 12

Selain daripada itu juga, terdapat peserta kajian yang bersetuju bahawa Program Pendidikan Inklusif masih belum mampan dalam dunia pendidikan dan sambutan yang masih kurang memberangsangkan dalam kalangan siswa guru opsyen selain pendidikan khas. Antara jawapan yang diperoleh semasa temu bual seperti berikut:

*“saya tidak akan dapat mengendalikan MBK jika di dalam kelas saya kerana tingkah laku MBK yang tidak dijangkakan”*

Peserta kajian 3

*“..... kelas inklusif sebenarnya memang sukar jika tidak ada pengetahuan dan pengendalian yang betul. Seterusnya guru kelas perdana akan berasa lebih tertekan”*

Peserta kajian 11

*“saya cuma berharap saya tidak ditempatkan di sekolah integrasi kerana saya tidak bersedia jika saya perlu mengajar MBK”*

Peserta kajian 14

## PERBINCANGAN

Bahagian ini akan membincangkan mengenai hasil dapatan kajian yang telah dianalisis. Perbincangan tersebut melibatkan analisis dapatan kajian yang telah dijalankan berdasarkan objektif dan persoalan kajian. Dalam konteks kajian ini, secara keseluruhannya pengetahuan, kesediaan dan sikap terhadap pendidikan inklusif dalam kalangan siswa guru semester lapan di IPGKIK ialah kurang memberangsangkan. Analisis dan perbincangan dapatan kajian dibahagikan kepada tiga tema iaitu dari aspek pengetahuan terhadap pendidikan inklusif, aspek kesediaan terhadap PPI dan aspek sikap terhadap pendidikan inklusif. Maka, dapatan kajian telah menjawab persoalan-persoalan kajian dan dapat memberi maklumat tentang kompetensi siswa guru semester lapan IPGKIK terhadap pendidikan inklusif sepanjang pengajian dan latihan perguruan di IPGKIK selama lima tahun.

Dapatan analisis dari aspek pengetahuan siswa guru semester lapan terhadap Pendidikan Inklusif adalah memuaskan. Hal ini kerana, dapatan temu bual menunjukkan siswa guru mempunyai pengetahuan asas yang kukuh mengenai pendidikan inklusif. Siswa guru semester lapan telah mengikuti kursus Pendidikan Inklusif semasa semester enam dan lulus kursus tersebut malah dapat mempraktikkan amalan inklusif di kawasan kampus. Namun begitu, terdapat juga peserta kajian 13 berpendapat bahawa pensyarah dari jabatan opsyen masing-masing yang mengajar kursus Pendidikan Inklusif mestilah sekurang-kurangnya mempunyai latar belakang berkaitan pendidikan khas agar teori dan maklumat yang disampaikan kepada siswa guru lebih menjurus berkaitan pedagogi inklusif, teknik suaian dan suasana kelas inklusif. Hal ini supaya pensyarah tersebut dapat menjawab soalan berkaitan pendidikan inklusif dengan yakin apabila ditanya dan menyampaikan realiti pendidikan inklusif kepada siswa guru. Selain daripada itu, kebitaraan IPGKIK dalam Pendidikan Khas yang sering menganjurkan program-program akademik berkaitan pendidikan khas telah memberi kesedaran yang mencukupi kepada siswa guru mengenai kewujudan pendidikan khas mengikut kategori seperti Masalah Penglihatan, Masalah Pendengaran, Masalah Pembelajaran dan Pemulihan. Oleh itu, pengetahuan asas tersebut sekurangnya dapat membantu siswa guru cakna akan MBK dan PPI apabila ditempatkan di sekolah kelak. Dapatan juga menunjukkan bahawa siswa guru bersetuju dengan amalan-amalan inklusif dan program-program akademik berkaitan inklusif siswa guru untuk mencipta pembelajaran kontekstual serta nilai tambah membentuk karakter dan sikap terhadap bidang pendidikan khas. Justeru, dapatan kajian ini dapat meningkatkan kompetensi guru novis aliran perdana yang tidak memahami tentang pendidikan inklusif seperti yang dilaporan dalam kajian (Pau & Mohd Hanafi Mohd Yasin, 2021).

Menurut Haslinah Abdullah & Hairiah Munip (2020), pengetahuan yang tidak mencukupi secara tidak langsung akan mempengaruhi kesediaan guru-guru melaksanakan amalan pendidikan inklusif. Pendapat ini selaras dengan dapatan kajian bahawa aspek kesediaan siswa guru bukan opsyen pendidikan khas terhadap PPI adalah tidak bersedia. Terdapat siswa guru yang berasa bimbang jika menghadapi PPI dan MBK kerana tiada pengalaman praktikum atau menyaksikan PPI di sekolah sebenar. Peserta kajian 2, 7 dan 9 menunjukkan ketidaksesuaian untuk mengajar di kelas inklusif dan mengendalikan MBK. Peserta kajian menyatakan kebimbangannya untuk mengawal MBK dan tidak berpengalaman menyaksikan MBK di dalam kelas perdana seramai 30 orang hingga 40 orang murid. Hal ini juga mungkin kerana siswa guru tidak mendapatkan latihan pedagogi inklusif secara praktikal ketika mengikuti kursus Pendidikan Inklusif. Input kandungan dan maklumat yang diperoleh sebagai pengetahuan asas hanya dapat memberi kesediaan kepada siswa guru untuk tahu kewujudan PPI malah kesediaan untuk melaksanakan PPI masih diragui oleh siswa guru. Tambahan lagi, menurut Kostas, Galini & Maria (2014) menekankan bahawa kecekapan siswa guru untuk mengintergrasikan ilmu yang diperoleh dari pengalaman dan pengetahuan yang dimiliki adalah aspek penting dalam proses pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran. Maka, pensyarah memainkan peranan penting untuk membimbang dan membantu siswa guru memperoleh pengalaman secara praktikal mengenai PPI sebanyak mungkin semasa latihan mengajar di IPG. Siswa guru itu sendiri pula sewajarnya sentiasa bersedia menghadapi perkara-perkara di luar jangkaan opsyen yang diambil sepanjang latihan perguruan. Sepatutnya, pengajian di IPG merupakan tempoh untuk siswa guru menimba pelbagai ilmu dan meneroka realiti alam perguruan sejajar arus transformasi pendidikan.

Seterusnya, bagi aspek sikap siswa guru terhadap pendidikan inklusif juga dianalisis daripada respon temu bual kajian ini. Sikap dalam konteks kajian melihat pada reaksi penerimaan peserta kajian terhadap pendidikan inklusif dan keterampilan yang ditonjolkan oleh peserta kajian. Keterampilan bermaksud kecekapan yang tinggi dalam melaksanakan sesuatu perkara atau menyelesaikan masalah. Keterampilan juga merujuk kemampuan siswa guru menggunakan akal, idea, dan kreativiti dalam pembelajaran ataupun membuat sesuatu menjadi lebih bermakna. Selain daripada kecekapan, keterampilan juga melibatkan nilai-nilai kendiri seperti tanggungjawab, empati dan profesionalisme. Dapatkan menunjukkan peserta kajian mempunyai sikap yang responsif untuk menjulang pendidikan inklusif dalam dunia pendidikan dengan mengamalkan dan mengaplikasi pengetahuan inklusif yang diperoleh secara berterusan. Terdapat juga reaksi peserta kajian telah dijangkakan oleh pengkaji kerana latar belakang peserta kajian yang bukan opsyen pendidikan khas iaitu kurang memberi sambutan yang menggalakkan terhadap pendidikan inklusif seperti peserta kajian 11 dan 14. Peserta kajian menunjukkan ketidaksesuaian untuk berdepan dan mengurus MBK. Noor Aini Ahmad (2014) menyatakan bahawa pendidikan inklusif bukanlah satu perkara mudah kerana melibatkan perubahan sikap, perubahan nilai, perubahan program latihan perguruan dan perubahan sistem sekolah. Apabila perubahan ini melibatkan beberapa aspek dalam kehidupan, tidak semua orang sanggup dan selesa untuk berhadapan dengannya. Sememangnya, dapatkan ini memberi impak yang tinggi untuk pihak IPG kampus dan IPGM untuk meneliti semula transformasi yang sedang dijalankan agar sikap dan keterampilan siswa guru dapat digilap seiring dengan nilai professional dan amalan insaniah sebagai seorang guru. Oleh itu, pendedahan awal terhadap pendidikan inklusif di IPG ini sebenarnya dapat membentuk dan menilai sikap siswa guru itu sendiri terhadap MBK dan individu berkeperluan khas. Secara tidak langsung, proses ini meningkatkan keterampilan dan nilai kendiri kepada siswa guru yang merangkumi domain sikap keterbukaan, bertanggungjawab dan komitmen tinggi. Maka, tidak hairanlah kajian ini menunjukkan sikap, nilai dan kepercayaan siswa guru tentang pembelajaran dan dirinya amat mempengaruhi kehidupannya sebagai seorang siswa dan berupaya bertindak secara rasional dalam menyelesaikan masalah kelak.

Keseluruhan analisis, dapatkan kajian ini turut memberi nilai tambah kepada dapatkan kajian lepas, namun secara keseluruhan kajian ini lebih menyokong beberapa dapatkan kajian sebelum ini (Shamsiah Md Nasir (2017). Dapatkan kajian menndapati aspek yang paling memuaskan ialah dari aspek pengetahuan terhadap pendidikan inklusif. Pada masa yang sama, dapatkan kajian juga menunjukkan kelemahan dilihat dari aspek kesediaan siswa guru dan sikap siswa guru terhadap pendidikan inklusif. Namun hal tersebut hanya berlaku dalam kalangan siswa guru bukan opsyen pendidikan khas yang belum pernah menyaksikan realiti PPI. Sehubungan dengan itu, pembelajaran praktikal dan amalan-amalan inklusif di seluruh IPG kampus di Malaysia juga perlu semakin giat dianjurkan agar kepincangan yang timbul dalam kalangan guru novis dan guru aliran perdana terhadap pendidikan inklusif dapat diatas (Muhammad Khairul Anuar Hussin & Abdul Rahim Hamdan, 2016; Norliah Mohd Amin & Mohd Hanafi Mohd Yasin, 2016; Siti Fatimah Salleh & Mustafa Che Omar, 2018; Pau & Mohd Hanafi Mohd Yasin, 2021).

## CADANGAN, IMPLIKASI

Transformasi pendidikan negara yang digagaskan oleh KPM telah mengubah struktur institusi pendidikan di Malaysia untuk mencapai Dasar *Zero Reject Policy*. Dalam melestarikan cabaran penerapan pendidikan inklusif kepada siswa guru ini, IPG perlu mengubah paradigma dan peranannya dalam melahirkan guru yang berkualiti selaras dengan FPK. Maka dengan itu, cadangan yang dapat dikemukakan ialah melaksanakan pengalaman secara praktikal yang merupakan amalan yang terbaik untuk IPG kampus seluruh negara boleh laksanakan. Siswa guru boleh mengambil kesempatan untuk memantapkan tahap kesediaan dan pengalaman mengenai Program Pendidikan Inklusif mereka melalui amalan profesional seperti Pengalaman Berasaskan Sekolah, praktikum dan *internship* yang merupakan platform untuk siswa mempraktikkan ilmu, kemahiran dan teori yang dipelajari. Contohnya, siswa guru boleh membuat keputusan untuk memilih sekolah yang melaksanakan pendidikan inklusif semasa menjalani PBS pada semester 2, semester 3 dan semester 4. Antara tiga latihan PBS tersebut, siswa guru berpeluang memilih sekolah integrasi pendidikan khas. Begitu juga, kesempatan siswa guru semasa

praktikum dan *internship* untuk memilih sekolah yang mengamalkan pendidikan inklusif. Perkara tersebut boleh dilihat atau dikaji semula oleh pihak IPGM dengan kerjasama IPG Kampus Tier 1 dalam bidang Amalan Profesional supaya menetapkan siswa guru seluruh Malaysia wajib memilih sekurangnya sekali ke sekolah integrasi pendidikan khas supaya dapat pendedahan dan menyaksikan situasi sebenar kelas inklusif dan murid inklusif. Syed Lamsah Syeh Chear (2017) menyokong bahawa pembelajaran kontekstual iaitu berasaskan pengalaman akan memberi makna yang lebih mendalam semasa proses pembelajaran individu. Pembelajaran kontekstual juga penting untuk memastikan para pelajar telah dilengkapi dengan pelbagai kemahiran insaniah seperti berkomunikasi, berkerja dalam kumpulan dan sebagainya ketika menjalani latihan mengajar.

## KESIMPULAN

Kompetensi pembangunan guru perlu ditekan dan latihan guru akan dipertingkatkan dari semasa ke semasa demi memastikan pendidikan guru sebagai profesion utama pilihan pelajar (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2019). Latihan perguruan di IPG hanyalah memberi pendedahan atau pengetahuan asas kepada siswa guru terhadap pendidikan inklusif. Program akademik seperti seminar, bengkel, dan acara bulan pendidikan inklusif merupakan satu horizon yang mencukupi dalam peringkat pendedahan tentang kewujudan jenama pedagogi pendidikan inklusif, model inklusif, kelas inklusif dan murid inklusif. Selebihnya, amalan praktikal dan penghayatan pengetahuan berterusan terhadap pendidikan inklusif mestilah dipupuk dalam diri siswa guru itu sendiri. Latihan perguruan sepanjang di IPG ini bukan sahaja memberi pengetahuan mengenai pendidikan inklusif bahkan, latihan perguruan ini perlu membentuk karakter siswa guru dengan mengamalkan amalan inklusif ini sendiri. Maka, transformasi ini menggesa IPG melaksanakan perubahan dari segi kurikulum yang menekankan penggunaan pelbagai pendekatan pengajaran dan pembelajaran. Hatta, menurut Ab.Hamid Ali et al. (2017) amalan profesional merupakan platform yang menyediakan peluang kepada siswa guru untuk mempraktikan ilmu, kemahiran dan teori yang dibelajari dalam bilik darjah. Walaupun kajian ini hanya melibatkan sekumpulan siswa guru daripada semester lapan di IPGKIK namun dapatan kajian ini memberi bayangan kepada program pendidikan yang lain berdasarkan kepada persekitaran pembelajaran yang hampir sama dilalui oleh semua siswa guru di IPGKIK dan IPG kampus yang lain. Keputusan kajian ini diharapkan dapat mencetus penerokaan kajian yang lebih menyeluruh terhadap proses pengajaran dan pembelajaran di institusi ini daripada penggubalan kurikulum program, kaedah mengajar, peranan para pensyarah, program-program akademik dan persekitaran serta amalan aktiviti kehidupan siswa guru di dalam kampus. Oleh itu, hasrat dan usaha insitusi melahirkan siswazah yang berkualiti akan tercapai.

## RUJUKAN

- Ab. Hamid Ali, Abdullah Yusof, Muhammad Ridzuan Idris, Abd Aziz Zaki Razali & Mohd Nazri Abdul Rahman. (2017). Kompetensi Guru Pelatih di Sebuah Institut Pendidikan Guru Dalam Melaksanakan Latihan Mengajar. *Jurnal Kepimpinan Pendidikan* 4(2), 39-55. <http://ejournal.um.edu.my/publish/JuPiDi/>
- Akta OKU. (2008). *Undang-undang Malaysia. Undang-undang Malaysia, Akta Pendidikan 1996. (Akta 550)*. Bahagian Pendidikan Khas. 2013.
- Creswell, J.D. (2017). *Research Design: Qualitative, Quantitative and Mixed Methods Approaches*. Sage publications.
- Haslinah Abdullah & Hairiah Munip. (2020). Meniti Kejayaan Pelaksanaan Pendidikan Inklusif di Malaysia. *Jurnal Refleksi Kepemimpinan Jilid 3*, 191-207.
- Institut Pendidikan Guru Malaysia. (2017). *Pelan Strategik Transformasi Institut Pendidikan Guru*. Institut Pendidikan Guru Malaysia.

IPG Kampus Ilmu Khas. (n.d.). *Carian Pendidikan Inklusif*. Portal Rasmi IPGKIK: <http://ipgkik.moe.edu.my/index.php/component/search/?searchword=Pendidikan%20Inklusif&searchphrase=all&Itemid=1614>

Kama Shaffeei. (2019, Oktober 22-23). *Tahap Kesediaan Pengajaran Pelajar Ijazah Sarjana Muda Pendidikan Khas Universiti Pendidikan Sultan Idris Dalam Latihan Mengajar*. [Pembentangan Kertas Kerja] Seminar Darulaman Peringkat Kebangsaan, (pp. 1-10).

Kementerian Pendidikan Malaysia. (2013). *Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 (Pendidikan Prasekolah hingga Lepas Menengah)*. Kementerian Pendidikan Malaysia.

Kementerian Pendidikan Malaysia. (2019, September 21-22). Perkembangan Sistem Pendidikan Negara Ke arah Revolusi 4.0. *Seminar Pendidikan Negara (SKEPEN)*. Universiti Kebangsaan Malaysia, Selangor.

Kostas, K., Galini, R. & Maria, M. (2014). The Practicum in Pre-Service Teachers' Education in Greece: The Case of Lesson Study. *Procedia Social and Behavioral Sciences* Vol. 152, 808-812. <https://doi.org/10.1016/j.sbspro.2014.09.325>

Low, S.F., Amiruddin Zainuddin & Rafidah Ruhani. (2014). Standard Guru Malaysia: Tahap Pengetahuan Guru Pelatih PISMP IPG Kampus Ilmu Khas. *Jurnal Penyelidikan TEMPAWAN Vol. 31*, 62-78.

Muhammad Khairul Anuar Hussin & Abdul Rahim Hamdan. (2016). Effect of Knowledge, Readiness and Teaching Technique in Inclusive Practices Among Mainstream Teachers in Malaysia. *International Journal of Early Childhood Special Education*, 8(1), 1-15.

Noor Aini Ahmad. (2014). Pengurusan program pendidikan inklusif bagi murid bermasalah pembelajaran: Kajian secara naratif inkuiiri. *Management Research Journal*, Vol.3, 38-52.

Norfishah Mat Rabi & Mohd Yusof Zulkefli. (2018). Mainstream Teachers' Competency Requirement for Inclusive Education Program. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 8(11), 1779-1791.

Norliah Mohd Amin & Mohd Hanafi Mohd Yasin. (2016, Januari 23). Pelaksanaan program pendidikan inklusif murid berkeperluan khas dalam pelan pembangunan pendidikan Malaysia 2013 - 2015. [Pembentangan Kertas Kerja] *Seminar Antarabangsa Pendidikan Khas Rantau Asia Tenggara Siri Ke-6*, (pp. 29-35). Universiti Kebangsaan Malaysia, Selangor.

Nur Hafizoh Idris & Rohanan Hamzah. (2012). Nilai Profesionalisme Bakal Guru Berteraskan Indikator Standard Guru Malaysia (SGM). *Jurnal Teknologi*, 60(1), 31-37. <https://doi.org/10.11113/jt.v60.1445>

Nur Nabilah Ahmad Latpi, Rabiatul Adawiyah Azhan & Sukri Berahim. (2019, Ogos 29). Pengetahuan Pendidikan Inklusif Dalam Kalangan Siswa Guru Semester Enam IPGKDRI. [Pembentangan Kertas Kerja] *Seminar Antarabangsa Isu-isu Pendidikan (ISPEN)*, (pp. 152-160).

Pau, S.L. & Mohd Hanafi Mohd Yasin. (2021). Pengetahuan Dan Sikap Guru Aliran Perdana Terhadap Program Pendidikan Inklusif Di Daerah Sibu. *Jurnal Dunia Pendidikan* Vol.3, 515-529. <http://myjms.mohe.gov.my/index.php/jdpd>

Pusat Pembangunan Akademik IPG. (2017). *Buku Panduan Akademik Program Ijazah Sarjana Muda Perguruan (PISMP)*. Institut Pendidikan Guru Malaysia.

Shamsiah Md Nasir. (2017). Kesediaan Guru Pelatih Terhadap Pendidikan Inklusif. *Prosiding Persidangan Penyelidikan dan Inovasi Pendidikan Kebangsaan Kali Ke-2*, 81-87. <http://ipgkdri.moe.edu.my/ppipk2017/>

Siti Fatimah Salleh & Mustafa Che Omar. (2018). Masalah Pengajaran Guru Dalam Program Pendidikan Inklusif di Sekolah. *Asian People Journal (APJ)* Vol.1, 243-263. <https://www.journal.unisza.edu.my/apj/>

Siti Salwa Salleh. (2020, Mac 7). *Sistem Pendidikan Khas Bantu Pelajar OKU Kompetitif*. Berita Harian Online: <https://www.bharian.com.my/rencana/komentar/2020/03/662805/sistem-pendidikan-khas-bantu-pelajar-oku-kompetitif>

Syed Lamsah Syed Clear. (2017 Julai 27-28). Kesediaan Pelajar Tahun Akhir Program Pendidikan Untuk Menjalani Latihan Mengajar. [Pembentangan Kertas Kerja] *International Multidisciplinary Conference (IMC)*, (pp. 1-13).